

26 JAN 2003

PM PULANG DARIPADA LAWATAN KE LUBNAN, MESIR DAN SWITZERLAND

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air hari ini selepas melakukan lawatan seminggu ke Lubnan, Mesir dan Davos di Switzerland di mana beliau menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Jet eksekutif Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang membawa Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali mendarat di Pangkalan TUDM di Subang pada 9.40 pagi.

Pada lawatan beliau ke Lubnan dan Mesir, Dr Mahathir telah mengadakan perbincangan peringkat tinggi dengan pemimpin-pemimpin negara berkenaan.

Semasa di Beirut, Perdana Menteri telah mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar pandangan dengan rakan sejawatannya dari Lubnan, Rafic Hariri mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Di ibu negara Mesir, Kaherah, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan dengan Presiden Hosni Mubarak dan Perdana Menteri Dr Atef Muhammad Muhammad Ebeid bagi membincangkan agenda aserupa.

Perdana Menteri juga mengadakan pertemuan dengan Ulama Besar Universiti Al-Azhar Dr Mohamed Sayed Tantawi.

-- BERNAMA

HS MFJ RHM